



Rujukan Fail Kami : Bil(03)dIm.MDL/JKP/255 Jld.1
 Tarikh : 25 Oktober 2016 (Selasa)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Malaysia (**keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang**) termasuklah Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di dalam pentadbiran Majlis Daerah Lipis.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN BAGI SEMUA JAWATAN :-

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a.) Terdiri daripada warganegara Malaysia;
- b.) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

BIL	JAWATAN/GRED	TARAF JAWATAN	KEKOSONGAN
1.	Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29 No.Fail Jawatan : MDL/JKP/665	Tetap	1
2.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 No.Fail Jawatan : MDL/JKP/666	Tetap	1
3.	Penolong Akauntan Gred W29 No.Fail Jawatan : MDL/JKP/664	Tetap	1

TARIKH IKLAN DIKELUARKAN	26 OKTOBER 2016 (SELASA)
TARIKH IKLAN TUTUP	14 NOVEMBER 2016 (ISNIN)
MASA AKHIR PENERIMAAN BORANG	5.00 PETANG

1. **NAMA JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN**
- TARAF JAWATAN** : **TETAP / BERPENCEN**
- KEKOSONGAN JAWATAN** : **01**

JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM

RM (SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401LA29000	L29	RM 1,773.00	RM 5,674.00	RM 145.00
ELAUN	IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA)			RM 160.00
	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)			RM 300.00
	BANTUAN SARA HIDUP (BSH)			RM 150.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a.) warganegara Malaysia;
- b.) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.) i. diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred L29 : RM 1,773.00); atau

- ii. diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred L29 : RM 1,847.86).

SYARAT BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Undang-Undang) dan Jurubahasa Gred LA19, LA22, LA26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a.) i. mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
- b.) had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS :

1. Menasihati jabatan didalam Majlis Daerah Lipis mengikut peruntukan Undang-Undang yang diterima pakai. Memberi pendapat perundangan.
2. Mengubal dan membuat Undang-Undang.
3. Meminda Undang-Undang Kecil
4. Pengkompaunan Kesalahan
5. Menjalankan pendakwaan.
6. Pendidikan Perundangan.
7. Menerima dan melaksanakan tugas dari semasa ke semasa.

2. NAMA JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUBATAN DAN KESIHATAN
- TARAF JAWATAN : TETAP / BERPENCEN
- KEKOSONGAN JAWATAN : 01

JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM

RM (SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401UA29000	U29	RM 1,797.00	RM 5,753.00	RM 145.00
ELAUN	IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA)			RM 160.00
	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)			RM 300.00
	BANTUAN SARA HIDUP (BSH)			RM 150.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon Lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- diploma dalam bidang Kesihatan Persekitaran yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji Permulaan ialah pada Gred U29 : RM 1,797.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) :

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a.) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (b.) had umur pelantikan:
 - (i.) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii.) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii.) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS :

1. Pentadbiran
 - i.) Menyelia dan menghantar laporan-laporan mengenai aktiviti yang dijalankan seperti pemeriksaan, penyiasatan, tindakan yang diambil dan pengawasan.
 - ii.) Menyelia dan melatih kakitangan dibawah jagaannya.
2. Menguatkuasakan undang-undang,peraturan dan undang-undang kecil dibawah Ordinan dan Enakmen yang berkaitan dengan kesihatan umum.
3. Menyiasat dan menyediakan laporan ke atas semua kes penyakit berjangkit.
4. Memeriksa dan mengawas bahan-bahan makanan dipremis-premis makanan seperti restoran, kilang, rumah sembelih dan pasar.
5. Mengawasi kebersihan alam sekitar.
6. Menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan umum seperti ceramah kepada Institusi Kerajaan Dan Swasta Badan-badan Sukarela.

3. NAMA JAWATAN : PENOLONG AKAUNTAN GRED W29
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN
- TARAF JAWATAN : TETAP / BERPENCEN
- KEKOSONGAN JAWATAN : 01

JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM

RM (SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401WA29000	W29	RM 1,498.00	RM 5,678.00	RM 145.00
ELAUN	IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA)			RM 160.00
	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP)			RM 300.00
	BANTUAN SARA HIDUP (BSH)			RM 150.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
- a.) warganegara Malaysia;
 - b.) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c.)
 - i. sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,510.92); atau
 - ii. *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,510.92); atau
 - iii. diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,776.08); atau
 - iv. *Licentiate of The Chartered Institute Of Secretaries And Administrators Of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W29 : RM 2,001.68).

SYARAT BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a.) i. mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
- b.) had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS :

Menjalankan pengauditan terhadap akaun, pengurusan kewangan dan aktiviti-aktiviti jabatan yang dibawah bidang kuasa Yang Dipertua.

CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT :-

- (a.) Semua permohonan hendaklah menggunakan **Borang MDL.Jawat 1/02** yang boleh didapati di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Majlis Daerah Lipis, Kompleks Pejabat Kerajaan, 27200 Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur.**
- (b.) Semua permohonan hendaklah lengkap dengan maklumat seperti berikut : -
- (i.) **Sekeping gambar terbaru berukuran pasport iaitu 2.5sm x 3.8 sm (*tidak dibenarkan gambar yang diimbis atau difotostat*);**
 - (ii.) **Salinan Kad Pengenalan (depan dan belakang);**
 - (iii.) **Salinan surat beranak;**
 - (iv.) **Salinan Kad Pengenalan Ibu / Bapa;**
 - (v.) **Salinan sijil-sijil persekolahan atau salinan keputusan peperiksaan yang telah diperolehi;**
 - (vi.) **Lain-lain sijil yang berkenaan.**
- (c.) Setiap salinan dokumen di atas hendaklah **DIAKUI SAH.**
- (d.) Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan selaras dengan Peraturan 18, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemas kini dan Laporan Penilaian Prestasi.;
- (e.) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti dibawah:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH LIPIS
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN
27200 KUALA LIPIS
PAHANG DARUL MAKMUR.
(U/P : JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Semua permohonan (termasuk permohonan melalui pos) hendaklah diterima oleh Majlis Daerah Lipis selewat-lewatnya pada **14 November 2016**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

CATATAN AM :-

- (a.) Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan :-
- i.) Tidak menggunakan **Borang MDL.Jawat 1/02**
 - ii.) Tiada salinan Sijil Kelahiran.
 - iii.) Tiada salinan Kad Pengenalan Pemohon/Ibu/Bapa.
 - iv.) Tiada salinan Kelulusan Pelajaran/Peperiksaan.
 - v.) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan.
 - vi.) Tiada salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi.
 - vii.) Borang permohonan yang tidak ditandatangani.
 - viii.) Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak terang.
 - ix.) Tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan.
 - x.) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
 - xi.) Salinan sijil-sijil tidak diakui sah.
 - xii.) Gambar Pasport tidak disertakan serta gambar difotostat atau diimbas.
 - xiii.) Tidak melengkapkan keterangan mengenai 2 orang saksi.
 - xiv.) Permohonan yang terima selepas tarikh tutup iklan.
- (b.) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- (c.) Hanya pemohon yang layak dan melepasi tapisan akan dipanggil temu duga bagi jawatan ini.
- (d.) Majlis Daerah Lipis tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temu duga tersebut.
- (e.) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temu duga akan dimaklumkan.